

# UPM bersedia mulakan pengajaran secara fizikal

[Latifah Arifin](#) - September 5, 2021 @ 8:10pm

[latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my)



- Hiasan. FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) bercadang menjadikan Hospital Pengajar UPM sebagai pusat vaksinasi untuk semua warganya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Arifin Abdu, berkata ia antara persiapan yang dirangka jika kerajaan membenarkan institusi pengajian tinggi (IPT) dibuka semula pada Oktober ini.

Katanya, persiapan lain termasuk membuat bancian status vaksinasi pelajar dan mengatur kemasukan pelajar berkeperluan secara berperingkat menjelang pembukaan semula kampus bagi pengajian secara fizikal.

"Kami bercadang menjadikan Hospital Pengajar UPM sebagai pusat vaksinasi untuk kakitangan dan pelajar. Ia bagi memastikan kesemua warga UPM mencapai status vaksinasi lengkap," katanya kepada BH, hari ini.

Kelmarin, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata pihaknya merancang membuka semula IPT untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Oktober ini.

Katanya, rancangan melalui Pelan Pemulihan IPT (PEMULIH IPT) itu selari dengan usaha membolehkan pelajar pulang ke IPT apabila kesemuanya lengkap divaksin.

Arifin berkata, pihaknya kini giat menjalankan bancian status vaksinasi pelajar termasuk menjejak mahasiswa yang belum menerima vaksin.

"Pelajar dibantu mendapatkan vaksin. Kami juga menyediakan pengangkutan kepada pelajar untuk hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang menyediakan perkhidmatan suntikan vaksin secara 'walk in' di Lembah Klang," katanya.

Beliau berkata, kemasukan pelajar baharu yang berkeperluan bagi Sesi 2021/2022 dijangka pada 1 Oktober depan.

"Pelajar akan masuk secara berperingkat dan keutamaan diberikan kepada pelajar yang berkeperluan. Tatacara kemasukan pelajar selaras dengan ketetapan diberikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya.

Jelas beliau, prosedur operasi standard (SOP) dan langkah keselamatan yang diambil masih dikekalkan sebagaimana kemasukan pelajar pada Mac lalu.

"Saringan kesihatan tetap dijalankan kepada pelajar sebelum dibenarkan kembali ke kampus.

"Bagi urusan kemudahan asrama, makmal dan bilik kuliah, akan mengikut SOP yang ditetapkan Jawatankuasa Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) UPM selaras dengan SOP Majlis Keselamatan Negara dan KPT.